



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 16 Jun 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Syarikat pengangkutan darat barangan digesa daftar diesel subsidi

KOTA KINABALU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menggesa lebih banyak syarikat pengangkutan darat barangan mendaftar segera Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, setakat 14 Jun lalu sebanyak 29,631 kenderaan babitkan 8,060 syarikat sudah mendaftar SKDS.

"Pendaftaran melalui SKDS akan membolehkan syarikat-syarikat yang berkecayaan terus mendapat manfaat subsidi diesel melalui mekanisme *fleet card* pada kadar RM2.15 seliter bagi sektor pengangkutan darat barangan dan RM1.88 seliter bagi sektor pengangkutan darat awam.

"Penggunaan wajib *fleet card* SKDS untuk mendapat manfaat subsidi diesel bagi sektor pengangkutan darat barangan dan awam akan dikuatkuasakan pada satu masa yang akan diumumkan.

"Sehubungan itu, syarikat-syarikat bagi kedua-dua sektor ini adalah digesa untuk mem-

buat pendaftaran SKDS pada kadar segera.

"Ini adalah penting untuk membolehkan kenderaan-kenderaan syarikat yang tersenarai di bawah 33 jenis kenderaan yang layak didaftarkan di bawah SKDS terus boleh menerima subsidi diesel.

"Senarai jenis kenderaan dan permohonan pendaftaran menyertai SKDS boleh dirujuk melalui portal MySubsidi," katanya pada sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan *Smartpay Fleet Card* SKDS di Stesen Petronas Jalan Lintas Kepayan semalam.

Dalam pada itu Armizan memaklumkan peluasan SKDS merupakan pendekatan untuk menangani isu ketirisan subsidi bahan api diesel melalui mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan secara digital.

Mekanisme penggunaan *fleet card* dalam pelaksanaan SKDS ini adalah untuk memastikan subsidi dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh kumpulan sasaran.



ARMIZAN ketika Majlis Penyerahan *Smartpay Fleet Card* SKDS di Stesen Petronas Jalan Lintas Kepayan di Kota Kinabalu semalam.

INDONESIA MELAKSANAKAN SUBSIDI MINYAK BUMBUHANG DITANGKAP SEWAKIANYA BAGI ISKANDAR DZULKIFLI

Syarikat pengangkutan di Sabah, Sarawak dan Labuan digesa

Segera daftar SKDS: Armizan

Iskandar Dzulkifli

KOTA KINABALU: Syarikat pengangkutan darat barangan dan pengangkutan darat awam di Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan digesa supaya segera mendaftar dalam Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) bagi mendapatkan fleet card, sebelum penggunaan wajib kemudahan itu dikuatkuasakan pada satu tarikh yang akan diumumkan kelak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pendaftaran bagi inisiatif itu telah dibuka sejak 4 Mei lalu dan syarikat yang layak tidak seharusnya menunggu sehingga saat akhir untuk mengemukakan permohonan.

Ini kerana, katanya, sebaik penguatkuasaan dilaksanakan, sebarang pembelian diesel tanpa fleet card akan menyebabkan syarikat terbit terpaksa membayar harga diesel tanpa subsidi.

"Apabila dikuatkuasakan nanti, syarikat yang ingin mendapatkan diesel bersubsidi perlu menggunakan fleet card SKDS. Jika tidak, mereka terpaksa membeli diesel pada harga pasaran tanpa subsidi."

"Justeru, semua syarikat yang layak perlu mengambil peluang untuk mendaftar sekarang kerana sistem permohonan telah dipermudahkan dan proses kelulusan boleh dibuat dengan lebih pantas sekiranya dokumen dikemukakan dengan lengkap, sekali gus membolehkan mereka menikmati manfaat subsidi diesel yang disediakan kerajaan," katanya pada sidang media sempena Majlis Penyerahan Smart-Pay Fleet Card SKDS di sini, Isnin.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Dagangan Berhad, Azrul Osman Rani.

Mengulas lanjut, Armizan berkata menerusi SKDS, syarikat pengangkutan darat barangan hanya perlu membayar diesel pada kadar RM2.15 seliter berbanding harga pasaran, manakala syarikat pengangkutan darat-awam menikmati kadar subsidi RM1.88 seliter yang hanya boleh diperolehi melalui penggunaan fleet card selepas mendapat kelulusan pendaftaran SKDS.

Katanya, proses permohonan SKDS dilaksanakan dalam dua peringkat iaitu syarikat perlu membuat permohonan secara dalam talian melalui portal MySubsidi Diesel sebelum memohon fleet card daripada syarikat petroleum pilihan yang



ARMIZAN (kiri) mendengar taklimat mengenai cara penggunaan fleet card di pam minyak disampaikan Petronas di majlis itu.

menawarkan kemudahan berkenaan.

"KPDN juga telah mengintegrasikan sistem permohonan dengan beberapa agensi berkaitan termasuk Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) bagi memudahkan semakan serta mempercepatkan proses kelulusan."

"Sekiranya dokumen lengkap, kelulusan boleh diperolehi dalam tempoh singkat dan selepas itu mereka hanya perlu mendapatkan fleet card daripada syarikat minyak pilihan."

"Berdasarkan pengalaman pelaksanaan sebelum ini, syarikat petroleum juga akan berusaha sebaik mungkin untuk memastikan fleet card dapat dibekalkan kepada pemohon secepat mungkin. Atas sebab itu, amat penting semua syarikat ini segera mendaftar dalam SKDS tanpa menunggu saat akhir atau selepas penguatkuasaan diumumkan," tegasnya.

Armizan berkata ketika ini terdapat 33 kategori kenderaan yang layak menerima manfaat SKDS, merangkumi 10 kategori kenderaan bagi sektor pengangkutan darat awam serta 23 kategori kenderaan bagi sektor pengangkutan darat barangan.

Katanya, terbaharu, SKDS turut diperluaskan kepada kenderaan jenis jip dan pikap yang digunakan dalam sektor berkaitan.

Sehingga 14 Jun 2026, katanya,

sebanyak 8,060 syarikat di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan telah berjaya mendaftar dalam SKDS melibatkan 29,631 kenderaan.

Daripada jumlah itu, Sabah merekodkan 3,922 syarikat dengan 14,415 kenderaan berdaftar, diikuti Sarawak dengan 3,869 syarikat membabitkan 14,447 kenderaan, manakala Labuan mencatatkan 269 syarikat dengan 769 kenderaan.

Bercakap mengenai kepentingan pelaksanaan SKDS, Armizan berkata sistem itu bukan sahaja membolehkan kerajaan menyalurkan subsidi secara lebih bersasar, malah meningkatkan keupayaan pemantauan dan penguatkuasaan secara digital.

Menurutnya, mekanisme itu memastikan subsidi hanya dinikmati oleh syarikat yang benar-benar layak, khususnya pengusaha pengangkutan awam serta syarikat pengangkutan darat barangan yang terlibat dalam penghantaran keperluan asas pengguna.

"Dengan penggunaan fleet card, kerajaan dapat memantau penggunaan diesel bersubsidi dengan lebih berkesan dan mengelakkan ketirisan, termasuk membendung aktiviti penyeludupan, penyelewengan dan penyalahgunaan subsidi oleh pihak yang tidak layak termasuk warga asing dan pendatang tanpa izin," katanya.

KPDN gesa syarikat berkeelayakan segera daftar kenderaan sebelum 'fleet card' SKDS diwajibkan

Oleh Siti Aisyah Narudin

KOTA KINABALU: Syarikat-syarikat sektor pengangkutan darat barangan dan awam digesa untuk segera membuat pendaftaran Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) sebelum penggunaan wajib 'fleet card' SKDS dikuatkuasakan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, penggunaan wajib fleet card SKDS bagi ketiga-tiga wilayah iaitu Sabah, Sarawak dan Labuan akan ditentukan dan dikuatkuasakan pada satu tarikh yang akan diumumkan kelak.

Sehubungan itu katanya, sekiranya syarikat-syarikat yang berkeelayakan mahu kenderaan-kenderaan mereka mendapat manfaat subsidi diesel, mereka perlulah mendaftar SKDS dan mempunyai fleet card.

Beliau mengingatkan syarikat yang berkeelayakan supaya tidak menunggu lama untuk membuat pendaftaran memandangkan pelaksanaan penyaluran subsidi bahan api diesel berkenaan sudah diperluaskan ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sejak 4

Mei 2026.

"Ini penting bagi membolehkan 33 jenis kenderaan yang tersenarai termasuk 10 jenis bagi sektor pengangkutan awam darat dan 23 jenis kenderaan bagi sektor pengangkutan darat barangan yang didaftarkan di bawah SKDS boleh menerima subsidi diesel.

"Peluasan SKDS merupakan pendekatan untuk menangani isu ketirisan subsidi bahan api diesel melalui mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan secara digital.

"Mekanisme penggunaan fleet card dalam pelaksanaan SKDS bagi memastikan subsidi dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh kumpulan sasaran," katanya kepada media selepas Majlis Penyerahan Fleet Card SmartPay PETRONAS di sini semalam.

Armizan berkata, setakat 14 Jun 2026, status pendaftaran semasa SKDS bagi ketiga-tiga wilayah berkenaan merekodkan sebanyak 3,933 syarikat dan 14,415 kenderaan di Sabah, 2,869 syarikat dan 14,447 kenderaan di Sarawak dan 269 syarikat serta 769 kenderaan di W.P. Labuan.

Menurutnya, pendaftaran melalui SKDS

membolehkan syarikat-syarikat yang berkeelayakan mendapat manfaat subsidi diesel melalui fleet card pada kadar RM2.15 seliter bagi sektor pengangkutan darat barangan dan RM1.88 seliter bagi sektor pengangkutan darat awam.

Dalam pada itu jelasnya, peluasan SKDS juga bagi mengekang ketirisan subsidi diesel sama ada melalui aktiviti penyeludupan, penyelewengan dan penyalahgunaan subsidi oleh warga asing dan pendatang tanpa izin (PTI).

◆ **Utusan Muka 7**

KPDN gesa syarikat berkeelayakan segera daftar kenderaan sebelum 'fleet card' SKDS diwajibkan

► **Dari Muka 1**

"Akibat krisis tenaga susulan konflik Asia Barat, subsidi diesel yang ditanggung kerajaan terus meningkat termasuk di Sabah dan Sarawak yang mencecah RM563 juta dan RM647 juta bagi Mac dan April tahun ini.

"Jumlah keseluruhan subsidi diesel untuk tempoh empat bulan pertama hingga April 2026 mencecah RM1.4 bilion dan kerajaan akan terus menanggung

lanjutan bil subsidi bahan api selagi harga minyak dunia masih tinggi," katanya.

Beliau berkata, kerajaan komited untuk terus menyalurkan subsidi diesel kepada rakyat dan industri secara bersasar sebagai langkah intervensi dan mitigasi. Menurutnya, langkah itu bagi menangani isu kenaikan kos sara hidup serta pergerakan harga barangan dan perkhidmatan.

Katanya, penyaluran subsidi secara bersasar juga perlu dilaksanakan

sebagai mekanisme pengurusan risiko ketirisan, selain meningkatkan ketangkasan penguatkuasaan.

Turut hadir, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) Azrul Osman Rani; Pengurus Besar Kanan, Perhubungan Strategik, Perhubungan dan Komunikasi Strategik Kumpulan PETRONAS, Khairuddin Jaafar dan ?Pengurus Besar, Pejabat PETRONAS Wilayah Sabah dan Labuan Datuk Siti Ayu Abd Wahab.

TUESDAY, JUNE 16, 2026

Sabah, S'wak and Labuan land transport firms urged

Register under SKDS: Armizan

Hayati Dzulkifli

KOTA KINABALU: Goods and public land transport companies in Sabah, Sarawak and Labuan are again urged to register immediately under the Subsidised Diesel Control System (SKDS) before the mandatory use of the facility comes into force on a date to be announced later.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said registration would enable eligible companies to received fleet cards and enjoy subsidised diesel prices.

He said applications for the SKDS for the goods transport sector were extended to Sabah, Sarawak and Labuan on May 4, adding that the diesel subsidy programme for the public land transport sector was opened in June.

"Eligible companies in both sectors are advised not to wait until the last minute to submit their applications because once the enforcement date is announced, any diesel purchase made without a SKDS fleet card will require payment for the unsubsidised market rate," he said.

Armizan said this in a press conference after presenting the Petronas Fleet Card SmartPay to several companies that had obtained SKDS approval, here, Monday.

He said under the SKDS, eligible companies can continue to enjoy diesel subsidies at RM2.15 per litre for the goods transportation sector and RM1.88 per litre for the public land transportation sector.

According to Armizan, the SKDS regis-

tration process involves into two stages - eligible companies must first apply online through the MySubsidi Diesel portal before applying for a fleet card from their preferred petroleum company offering the facility.

"All eligible companies must take this opportunity to register now, as the registration at KPDN system for SKDS has been simplified and can be processed in a day as issuance of approvals can be done more quickly provided complete documents are submitted.

"Subsequently, the companies must apply for the fleet cards at their choice of oil companies whereby in Sabah there are only three - Petronas, Shell and Petron - in which the process of issuing the fleet cards would take a bit of time.

"That is why I am advising and urging eligible companies of both sectors to register for the SKDS now and apply for the fleet cards so that they would be not denied the targeted diesel subsidy provided by the Madani Government," he said.

Armizan said there are currently 33 vehicle categories eligible for SKDS benefits, comprising 10 categories under the public land transport sector and 23 categories under the goods transportation sector.

Recently, he added, the scheme was extended to jeeps and pick-up trucks used in related sectors.

"As of June 14, 2026, a total of 8,060 companies in Sabah, Sarawak and Labuan had successfully registered under the



Armizan (left) being briefed by Petronas on the use of fleet cards at fuel stations.

SKDS, involving 29,631 vehicles.

"Of that number, Sabah recorded 3,922 companies with 14,415 registered vehicles, followed by Sarawak with 3,869 companies involving 14,447 vehicles, while Labuan recorded 269 companies with 769 vehicles," he said.

He added that the mechanism ensures that subsidies are enjoyed only by genuinely eligible companies, particularly public transport operators and goods

transportation companies involved in delivering essential consumer goods.

"With the use of fleet cards, the Government can monitor subsidised diesel consumption more effectively and prevent leakages.

"It is also an important mechanism to curb smuggling, misappropriation and abuse of subsidies by ineligible parties, including foreign nationals and illegal immigrants," he said.

Krisis bekalan global: Subsidi diesel Sabah, Sarawak cecah RM1.4 bilion, kata Armizan

KOTA KINABALU: Perbelanjaan subsidi diesel bagi Sabah dan Sarawak mencecah RM1.4 bilion dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini, susulan kenaikan harga minyak dunia akibat krisis bekalan global, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata kerajaan sebelum ini membelanjakan RM2 bilion setahun bagi subsidi diesel untuk kedua-dua negeri pada tahun lepas.

“Untuk dua bulan pertama 2026, subsidi diesel dibelanjakan untuk Sabah dan Sarawak ialah RM103 juta bagi Januari, dan RM106 juta pada Februari. Namun, implikasi subsidi diesel bagi kedua-dua wilayah ini mencecah RM563 juta pada Mac dan RM647 juta bagi April.

“Kerajaan komited untuk terus menyalurkan subsidi kepada rakyat dan industri secara bersasar. Justeru, kita perlu menguruskannya dengan baik kerana (melibatkan) implikasi kewangan besar,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyerahkan Fleet Card SmartPay PETRONAS, kepada sebahagian syarikat pengangkutan darat barangan dan awam di Sabah yang berdaftar di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) di sini semalam.

Armizan berkata SKDS merupakan antara mekanisme pengurusan risiko yang diwujudkan bagi membend-



PENYAMPAIAN: Wakil syarikat Expogaya Sdn Bhd menerima replika 'Fleet Card SmartPay' PETRONAS sebagai simbolik penyampaian daripada Armizan pada majlis itu.

ung ketirisan subsidi diesel, selain memperkukuh penguatkuasaan serta pementauan penyaluran bahan api berteraskan teknologi digital.

Beliau berkata kerajaan komited untuk terus menyalurkan subsidi diesel kepada rakyat dan industri secara bersasar sebagai langkah intervensi dan mitigasi bagi menangani isu kenaikan kos sara hidup serta pergerakan harga barangan dan perkhidmatan.

Armizan berkata pada masa sama, kerajaan akan berusaha memastikan bekalan bahan api mencukupi dan stabil di seluruh negara, menerusi kerjasama rapat dengan pemain industri minyak dan gas bagi memperkukuh rantaian bekalan serta mengelakkan ketirisan.

“Setakat ini, bekalan ter-

jamin dan kita akan memastikan tidak ada gangguan besar bekalan bahan api sama ada petrol atau diesel di stesen-stesen minyak,” katanya.

Armizan berkata pelaksanaan subsidi bahan api bersasar akan diteruskan meskipun berdepan implikasi kewangan besar, termasuk menerusi program BUDI MADANI bagi petrol RON95 pada kadar RM1.99 seliter dengan kuota 200 liter sebulan untuk penerima yang layak.

SKDS turut diperkenalkan bagi membolehkan syarikat pengangkutan darat barangan yang menerima kad flit menikmati subsidi bahan api pada kadar RM2.15 seliter, manakala RM1.88 seliter untuk sektor pengangkutan darat awam, katanya.

— Bernama

Krisis bekalan global: Subsidi diesel Sabah, Sarawak cecah RM1.4 bilion

KOTA KINABALU:

Perbelanjaan subsidi diesel bagi Sabah dan Sarawak mencecah RM1.4 bilion dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini, susulan kenaikan harga minyak dunia akibat krisis bekalan global, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata, kerajaan sebelum ini membelanjakan RM2 bilion setahun bagi subsidi diesel untuk kedua-dua negeri pada

tahun lepas.

"Untuk dua bulan pertama 2026, subsidi diesel dibelanjakan untuk Sabah dan Sarawak ialah RM103 juta bagi Januari dan RM106 juta pada Februari. Namun, implikasi subsidi diesel bagi kedua-dua wilayah ini mencecah RM563 juta pada Mac dan RM647 juta bagi April.

"Kerajaan komited untuk terus menyalurkan subsidi kepada rakyat dan industri secara bersasar. Justeru, kita perlu menguruskannya dengan baik kerana (melibatkan)

implikasi kewangan besar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyerahkan Fleet Card SmartPay PETRONAS kepada sebahagian syarikat pengangkutan darat barangan dan awam di Sabah yang berdaftar di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) di sini semalam.

Armizan berkata, SKDS merupakan antara mekanisme pengurusan risiko yang diwujudkan bagi membendung ketirisan subsidi diesel,



ARMIZAN

selain memperkukuh penguatkuasaan serta pemantauan penyaluran

bahan api berteraskan teknologi digital.

Beliau berkata, kerajaan komited untuk terus menyalurkan subsidi diesel kepada rakyat dan industri secara bersasar sebagai langkah intervensi dan mitigasi bagi menangani isu kenaikan kos sara hidup serta pergerakan harga barangan dan perkhidmatan.

Armizan berkata, pada masa sama, kerajaan akan berusaha memastikan bekalan bahan api mencukupi dan stabil

di seluruh negara, menerusi kerjasama rapat dengan pemain industri minyak dan gas bagi memperkukuh rantai bekalan serta mengelakkan ketirisan.

"Setakat ini, bekalan terjamin dan kita akan memastikan tidak ada gangguan besar bekalan bahan api sama ada petrol atau diesel di stesen-stesen minyak," katanya.

Armizan berkata, pelaksanaan subsidi bahan api bersasar akan diteruskan meskipun berdepan implikasi

kewangan besar, termasuk menerusi program BUDI MADANI bagi petrol RON95 pada kadar RM1.99 seliter dengan kuota 200 liter sebulan untuk penerima yang layak.

SKDS turut diperkenalkan bagi membolehkan syarikat pengangkutan darat barangan yang menerima kad flit menikmati subsidi bahan api pada kadar RM2.15 seliter manakala RM1.88 seliter untuk sektor pengangkutan darat awam, katanya. — Bernama

Subsidi diesel Sabah, S'wak cecah RM1.4b empat bulan pertama tahun ini

KOTA KINABALU: Jumlah subsidi diesel yang ditanggung kerajaan bagi Sabah dan Sarawak mencecah RM1.4 bilion dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini, berbanding kira-kira RM2 bilion bagi keseluruhan tahun lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata peningkatan itu berlaku susulan kenaikan harga minyak mentah dunia akibat konflik geopolitik di Asia Barat.

Beliau berkata sebelum krisis berkenaan, jumlah subsidi diesel bagi Sabah dan Sarawak pada Januari ialah RM103 juta, manakala Februari RM106 juta.

Bagaimanapun, katanya selepas konflik bermula, jumlah subsidi meningkat dengan ketara kepada RM563 juta pada

Mac dan RM647 juta pada April.

"Hanya dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini iaitu dari Januari hingga April, jumlah subsidi diesel bagi Sabah dan Sarawak sahaja telah mencecah RM1.4 bilion berbanding RM2 bilion untuk sepanjang tahun lalu.

"Atas dasar itu, kita akan menguruskan isu ini dengan baik dan bertanggungjawab kerana ia melibatkan dana rakyat," katanya pada sidang media sempena Penyerahan SmartPay Fleet Card SKDS di sini, Isnin.

Dalam pada itu, Armizan berkata kerajaan terus komited mengekalkan pelbagai bentuk subsidi bersasar yang dinikmati rakyat dan sektor strategik walaupun berdepan implikasi kewangan

yang besar.

Menurutnya, penerima program Budi Madani masih menikmati petrol pada kadar RM1.99 seliter bagi kuota yang ditetapkan, manakala syarikat pengangkutan darat barangan dan pengangkutan awam yang layak di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) terus menerima RM2.15 seliter dan RM1.88 seliter.

"Subsidi untuk golongan nelayan juga terus dikekalkan. Walaupun harga minyak dunia meningkat, kerajaan tetap memastikan subsidi yang telah ditetapkan dapat diteruskan demi menjaga kebajikan rakyat dan kestabilan ekonomi negara.

"Kita komited meneruskan subsidi ini

walaupun implikasi kewangan daripadanya cukup besar, mencecah hampir RM6 bilion sebulan yang setakat ini perlu ditanggung kerajaan," katanya.

Beliau berkata bekalan petroleum negara bagaimanapun kekal terjamin walaupun dunia ketika ini berdepan ketidakpastian susulan konflik geopolitik di Asia Barat.

Katanya, kerajaan melalui pelbagai mekanisme yang diwujudkan terus memantau rapi situasi semasa bagi memastikan bekalan bahan api tidak terjejas serta kekal mencukupi untuk keperluan rakyat.

"Setakat ini, bekalan bagi Jun dan Julai telah dijamin dan kerajaan akan terus mengambil langkah sewajarnya bagi

memastikan bekalan untuk bulan-bulan seterusnya turut berada dalam keadaan selamat dan mencukupi," katanya.

Menurut Armizan, kerjasama strategik antara kerajaan, pemain industri petroleum, syarikat minyak dan pengusaha stesen minyak berjaya memastikan bekalan bahan api diurus dengan baik serta mengelakkan sebarang ketirisan dalam pengagihan komoditi itu.

Sehubungan itu, beliau berkata kerajaan akan terus memantau perkembangan semasa di peringkat antarabangsa dan mengambil langkah proaktif bagi memastikan bekalan petroleum negara kekal terjamin walaupun berdepan cabaran geopolitik dan ekonomi global. — Iskandar Dzulkifli

Register under SKDS, transport firms told


KOTA KINABALU: Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali has again urged goods and public land transport companies in Sabah, Sarawak and Labuan to register immediately under the Subsidised Diesel Control System (SKDS) to enjoy the diesel subsidy benefits.

He said registration would enable eligible companies to receive fleet cards and enjoy subsidised diesel rates of RM2.15 per litre for goods transportation and RM1.88 per litre for public land transport operators.

Armizan said applications for the SKDS for the goods transport sector were extended to Sabah, Sarawak and Labuan on May 4.

"The mandatory use of SKDS fleet cards to obtain diesel subsidies for the goods and public land transport sectors will be enforced on a date to be announced later. Therefore, companies in both sectors are urged to register under SKDS as soon as possible.

"This is important to ensure that vehicles listed under the 33 eligible vehicle categories continue to receive subsidised diesel," he told reporters after presenting the PETRONAS Fleet Card SmartPay to several companies that had



ARMIZAN

obtained SKDS approval here yesterday.

According to Armizan, a total of 8,060 companies across Sabah, Sarawak and Labuan had registered under SKDS, involving 29,631 vehicles, as of June 14.

He stressed that transport operators should take advantage of the registration process to avoid having to purchase diesel at market prices.

On a related matter, the minister said SKDS was introduced to address diesel subsidy leakages through a digital monitoring and

enforcement mechanism. "The fleet card system under SKDS is designed to ensure that diesel subsidies fully benefit the targeted recipients.

"It is also part of efforts to curb subsidy leakages through smuggling, abuse and misuse of subsidised diesel by foreign nationals and undocumented migrants," he said.

Details on eligible vehicle categories and SKDS registration can be found on the MySubsidi portal at <https://mysubsidi.kpdn.gov.my>. – BERNAMA

柴油卡机制扩至东马纳闽 阿米占吁企业速注册

(亚庇15日讯)国内贸易及生活成本部长拿督阿米占再次呼吁沙巴、砂拉越及纳闽的陆路货运与公共交通公司车辆，尽快注册柴油补贴管制系统(SKDS)。

他说，此举为让相关公司获得柴油卡及享受燃油补贴，即陆路货运车辆每公升2令吉15仙，陆路公交车辆每公升1令吉88仙。

自今年5月4日起，陆路货运及公交领域的柴油补贴管制系统申请注册范围已扩大至沙巴、砂拉越及纳闽。

“陆路货运及公交领域强制使用SKDS柴油卡措施将在稍后公布的日期起正式生效。因此，这两个领域受促尽快注册SKDS。”

“这非常重要，以确保列入33类可注册车辆名单下的公司车辆，能够继续享有柴油补贴。”他周一移交国油SmartPay柴油卡予部分获柴油补贴管制系统批准的公司后，对媒体这么说。

阿米占提到截至6月14日，来自3个地区的8060家公司已注册柴油补贴管制系统，涉及2万9631辆车辆。

他强调，每个陆路货运及公交公司应把握机会尽快注册柴油补贴管制系统，以避免在未注册情况下按正常价格支付燃油费用。

SKDS是通过数码化监控与执法机制解决柴油补贴纰漏问题，通过柴油卡机制确保补贴真正惠及目标群。这也是为遏制柴油补贴纰漏，包括走私、挪用及被外国人和非法移民滥用补贴。

关于符合资格的车辆类别名单及注册申请可在MySubsidi网站查询，网址为<https://mysubsidi.kpdn.gov.my>。#



柴油補貼卡將強制落實 阿米占促業者速申請

(亞庇15日訊) 國內貿易及生活成本部長拿督阿米占宣布，政府將擇定日期正式強制落實柴油補貼卡 (Fleet Card) 措施，屆時享有政府補貼；他呼籲符合資格的公司盡快提出申請，以免影響日後享有補貼資格。

他強調，不要等到最后一分鐘才申請，政府已簡化整個申請程序，只要文件齊全，申請很快就會獲得批准。

阿米占今天在亞庇甘拜園國油油站移交柴油補貼卡予補貼柴油管制系統 (SKDS) 注册公司後向媒體指出，SKDS自2024年起已在西馬實施，經過2年順利推行後，政府於今年5月4日起擴展至沙巴、砂拉越及納閩，讓符合資格的陸路貨運公司申請註冊。

他說，截至2026年6月14日，沙砂閩共有8060家公司已註冊，涉及2萬9631輛交通工具。

其中，沙巴共有3922家公司 (1萬4415輛交通工具)、砂拉越3869家公司 (1萬4447輛交通工具)，納閩則有269家公司 (769輛交通工具)。

阿米占表示，在SKDS機制下，陸路貨運業者僅需支付每公升2令吉15仙柴油價格，而公共交通業者則只需支付每公升1令吉88仙。

他解釋，SKDS的落實旨在確保柴油補貼能夠精準發放予符合資格的公共交通及貨運業者，並通過柴油補貼卡加強監督與管理，提高補貼發放效率，並遏制氾濫及濫用問題。

建立完善機制防補貼流失

他說，目前共有33種類型交通工具符合SKDS資格，包括10類公共交通工具及23類貨運交通工具，政府近期也將吉普車及貨車納入受惠範圍。

“柴油補貼涉及龐大公共資金，因此政府必須建立更



■阿米占 (左二) 呼籲符合資格的業者，盡快申請柴油補貼卡。

完善的风险管理机制，以防止補貼流失。”

阿米占稱，政府於去年為沙砂兩州承擔的柴油補貼高達20億令吉，而今年受到西亞衝突引發能源危機影響，政府承擔的柴油補貼進一步攀升，今年1月及2月，即衝突爆發前，沙砂柴油補貼分別為1億300萬令吉及1億600萬令吉。

“自2月28日衝突爆發後，兩州柴油補貼開銷顯著增加，3月份補貼額高達5億6300萬令吉，4月份更增至6億4700萬令吉。截至今年4月，沙砂首4個月柴油補貼已達14億令吉。”

他指出，只要國際油價維持高位及全球能源危機持續，政府將繼續承擔不斷上漲的燃油補貼開銷，以保障人民及相關行業需求。

此外，阿米占表示，沙巴共有3家石油公司參與SKDS計劃，即國油 (Petronas)、蜆壳 (Shell) 及Petron，符合資格的業者可向相關公司申請補貼卡。

他也提到，政府已成立特別工作隊與石油公司保持緊密合作，以確保國內燃油供應穩定。

“目前6月及7月的燃油供應充足，政府將繼續確保長期供應穩定，同時維持各項针对性補貼措施，包括BUDI個人柴油補貼計劃每月200令吉援助金，以及SKDS下的柴油補貼價格不變。” (TSI)

阿米占：別等最後一分鐘 運輸業者速申請柴油卡

（亞庇15日讯）国内贸易及生活成本部长拿督阿米占宣布，政府将择定日期正式强制落实柴油补贴卡（Fleet Card）措施，届时公共交通及运输领域业者必须使用补贴卡添购柴油，才能继续享有政府补贴，因此他呼吁符合资格的公司尽快提出申请，以免影响日后享有补贴资格。

他强调，不要等到最后一分钟才申请，政府已简化整个申请程序，只要文件齐全，申请很快就会获得批准。

阿米占今天在亚庇甘拜园国油加油站移交柴油补贴卡予补贴柴油管制系统（SKDS）注册公司后向媒体指出，SKDS自2024年起已在半岛实施，经过2年顺利推行后，政府于今年5月4日起扩展至沙巴、砂拉越及纳閩，让符合资格的陆路货运公司申请注册。

他说，截至2026年6月14日，沙砂閩共有8060家公司已注册，涉及2万9631辆交通工具。

其中，沙巴共有3922家公司（1万4415辆交通工具）、砂拉越3869家公司（1万4447辆交通工具），纳閩则有269家公司（769辆交通工具）。



■的业者尽快申请柴油补贴卡。
阿米占（左二）呼吁符合资格

具）。

阿米占表示，在SKDS机制下，陆路货运业者仅需支付每公升2令吉15仙柴油价格，而公共交通业者则只需支付每公升1令吉88仙。

33种交通工具符合SKDS

他解释，SKDS的落实旨在确保柴油补贴能够精准发放予符合资格的公共交通及货运业者，并通过柴油补贴卡加强监督与管理，提高补贴发放效率，并遏制纒漏及滥用问题。

他说，目前共有33种类型交通工具符合SKDS资格，包括10类公共交通工具及23类货运交通工具，政府近期也将吉普车及货车纳入受惠范围。

“柴油补贴涉及庞大公共资金，因此政府必须建立更完善的风险管理机制，以防止补贴流失。”

阿米占称，政府于去年为沙砂两州承担的柴油补贴高达20亿令吉，而今年受到西亚冲突引发能源危机影响，政府承担的柴油补贴进一步攀升，今年1月及2月，即冲突爆发

前，沙砂柴油补贴分别为1亿0300万令吉及1亿0600万令吉。

“自2月28日冲突爆发后，两州柴油补贴开销显著增加，3月份补贴额高达5亿6300万令吉，4月份更增至6亿4700万令吉。截至今年4月，沙砂首4个月柴油补贴已达14亿令吉。”

他指出，只要国际油价维持高位及全球能源危机持续，政府将继续承担不断上涨的燃油补贴开销，以保障人民及相关行业需求。

此外，阿米占表示，沙巴共有3家石油公司参与SKDS计划，即国油（Petronas）、蚬壳（Shell）及Petron，符合资格的业者可向相关公司申请补贴卡。

他也提到，政府已成立特别工作队与石油公司保持紧密合作，以确保国内燃油供应稳定。

“目前6月及7月的燃油供应充足，政府将继续确保长期供应稳定，同时维持各项针对性补贴措施，包括BUDI个人柴油补贴计划每月200令吉援助金，以及SKDS下的柴油补贴价格不变。”

8060 公司注册柴油补贴系统

阿米占提到，截至昨天（14日），来自上述3个地区的8060家公司已注册柴油补贴管制系统，涉

及2万9631辆车辆。

他说，该系统是通过数字化监控与执法机制，解决柴油补贴纒漏问题，

通过柴油卡机制，确保补贴真正惠及目标群。

“这也是为了遏制柴油补贴纒漏，包括走私、

挪用及被外国人和非法移民滥用补贴。”

关于符合资格的车辆类别名单及注册申请可在MySubsidi网站查询，网址为 <https://mysubsidi.kpdn.gov.my>。

Lima termasuk tiga warga Bangladesh didakwa miliki minyak masak tanpa lesen

SEREMBAN: Lima lelaki termasuk tiga warga Bangladesh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan memiliki barang kawalan, iaitu 14,056 kilogram (kg) minyak masak tanpa lesen.

K. Ramachandran, 41, Wong Yu Yang, 34, dan tiga warga Bangladesh Sahabuddin Sheikh, 46, Md Mosharaf Hossain, 37, dan Jahidul Islam, 25, didakwa secara bersama-sama memiliki barang kawalan berjadual itu dalam keadaan menimbulkan syak yang munasabah di sebuah premis di Galla Industrial Park, di sini pada jam 4.16 petang, 11 Jun lalu.

Mereka didakwa melanggar Peraturan 3(1) Per-

aturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, iaitu berurusan dengan minyak masak secara borong tanpa lesen.

Pertuduhan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (1) akta sama yang memperuntukkan denda maksimum RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Azmil Aspara menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin kepada Ramachandran dan Wong berserta syarat tambahan melaporkan diri di pejabat KPDN Pu-

trajaya setiap bulan, selain pasport diserahkan kepada mahkamah.

Peguam Nur Jehan Abu Bakar yang mewakili dua tertuduh warga tempatan itu memohon jaminan RM5,000 berikutan anak guamnya yang masing-masing bekerja sebagai pemandu dan transporter lori berpendapatan rendah selain penyara utama keluarga manakala tiga warga Bangladesh tidak diwakili peguam.

Hakim Shahrul Rizal Majid membenarkan kelima-lima tertuduh diikat jamin RM8,000 setiap seorang dengan seorang penjamin warga tempatan dan sebutan semula kes ditetapkan pada 20 Julai ini untuk serahan dokumen. — Bernama



DIDAKWA: Lima lelaki termasuk tiga warga Bangladesh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di Seremban, kelmarin atas pertuduhan memiliki barang kawalan, iaitu 14,056 kilogram minyak masak tanpa lesen. — Gambar Bernama

14,534KG OF COOKING OIL

Cook claims trial to illegal possession charge

PETALING JAYA: A cook pleaded not guilty to possessing 14,534kg of cooking oil without a valid wholesale licence at the Sessions Court here yesterday.

Ng Jen Choon, 49, entered his plea before judge Dr Syahliza Warnoh.

He was jointly charged with three Myanmar men for allegedly possessing controlled goods worth RM62,623 in an offence that raises reasonable suspicion of breaching Rule 3(1) of the Control of Supplies Regulations, which governs licences for dealing in scheduled items.

The alleged offence took place at an unnamed premises in Taman Sri Serdang Fasa 4, Seri Kembangan, at 1pm on June 11.

The charge was framed under

Section 21(1) of the Control of Supplies Regulations, read together with Section 21 of the Control of Supplies Act and Section 34 of the Penal Code.

If convicted under Section 22(1) of the act, he faces a maximum fine of RM1 million, imprisonment of up to three years, or both.

Charges against the three Myanmar men, aged 41, 19 and 17, will be read at the next mention on July 13, as an interpreter was not present in court yesterday.

Ng was represented by lawyer Nik Muammer Hurrie Mohamad Sukri while the prosecution was conducted by Domestic Trade and Cost of Living Ministry prosecuting officer Nur Abyan Anuar.

Cook denies possessing over 14,000kg cooking oil

KUALA LUMPUR: A restaurant cook pleaded not guilty at the Petaling Jaya Sessions Court Monday to a charge of possessing 14,534kg cooking oil without a licence last Thursday.

Ng Jen Choon, 49, was charged together with three other individuals with dealing in the controlled item, whether retail or wholesale, without a licence at a premises in Taman Sri Serdang Phase 4, Seri Kembangan near here at 1pm on June 11.

The offence was allegedly committed under Regulation 21(1) of the Control of Supplies Regulations 1974, read together with Section 21 of the Control of Supplies Act 1961, punishable under Section 22(1) of the same Act, and read together with Section 34 of the Penal Code.

The provision carries a maximum penalty of a RM1 million fine or up to

three years' imprisonment or both. For a second or subsequent offence, the penalty is a fine not exceeding RM3 million or imprisonment of up to five years or both, upon conviction.

Judge Dr Syahliza Warnoh allowed the accused bail of RM8,000 with one surety, and ordered him to report monthly to the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) office in Putrajaya, surrender his passport to the court, and not interfere with prosecution witnesses.

The court also fixed July 13 for mention for document submission, as well as prosecution against three other men for the same offence.

The case was prosecuted by KPDN officer Nur Abyan Anuar, while the accused was represented by lawyer Nik Muammer Hurrie Mohamad Sukri. - Bernama

Bangladeshi man pleads guilty to possessing 35,000 litres diesel

MELAKA: A Bangladeshi national who had gone missing for more than two years after being granted police bail pleaded guilty at the Ayer Keroh Sessions Court here Monday to possessing over 35,000 litres of diesel without authorisation three years ago.

Altaf Aziz Kardar, 42, who was rearrested last week, entered the plea after the charge was read out by a court interpreter before Judge Raja Noor Adilla Raja Mahyaldin.

The accused, together with two other individuals, was charged with having control over 35,653 litres of diesel, a scheduled controlled item, at an unregistered store premises along Jalan PK 20, Krubong Industrial Area, at about 3pm on Oct 6, 2023.

He was accused of possessing the diesel, whether retail or wholesale, without a valid licence, an offence under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961 [Act 122], punishable under Section 22(1) of the same Act, read together with Section 34 of the Penal Code.

If convicted, the accused faces a fine not exceeding RM1 million or imprisonment of up to three years or both. For a second offence, the penalty is a fine not exceeding RM3 million or imprisonment of up to five years or both.

The court set June 29 for the facts of the case and sentencing and did not allow bail for the accused.

The prosecution was conducted by enforcement officers Muhammad Ashraf Nashruddin Ahmad Nazri and Norhysham Md Noor from the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Melaka, while the accused was unrepresented. - Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

Amaran PM perlu diterjemah dengan tindakan, penguatkuasaan



**NOR AZURA
A. RAHMAN**

ISU warga asing yang memasuki Malaysia menggunakan visa pelancong, pelawat atau pas pelajar tetapi kemudiannya menjalankan aktiviti perniagaan secara tidak sah bukanlah perkara baharu.

Walaupun begitu, apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri membangkitkan perkara tersebut dalam perhimpunan bulanan Kementerian Komunikasi pada 8 Jun lalu seperti memberi gambaran isu ini sudah mencapai tahap yang membimbangkan dan memerlukan tindakan menyeluruh kerajaan.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menyatakan kerajaan menerima banyak aduan mengenai warga asing yang menggunakan pas lawatan untuk menjalankan pelbagai bentuk perniagaan, termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) seperti kedai kopi, bengkel membaiki kenderaan, perkhidmatan penyaman udara, ejen pelancongan, peruncitan dan aktiviti perdagangan melalui platform e-dagang.

Lebih membimbangkan, terdapat dakwaan sesetengah perniagaan ini menggunakan lesen tempatan sebagai "proksi" sedangkan operasi sebenar, modal, pekerja dan keuntungan dikawal oleh pihak asing.

Walaupun Perdana Menteri memberikan contoh melibatkan warga China kerana jumlah kes yang lebih ketara ketika ini, dalam masa sama beliau turut menegaskan prinsip yang sama akan dikenakan terhadap mana-mana warga asing tanpa mengira negara asal.

Dari sudut ekonomi, PMKS merupakan tulang belakang ekonomi negara. Menurut data rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 31 Julai 2025, PMKS menyumbang 39.5 peratus atau RM652.4 bilion kepada ekonomi Malaysia pada 2024 melibatkan sejumlah 8.10 juta peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Oleh itu, apabila berlaku persaingan tidak seimbang

daripada pihak yang beroperasi secara tidak sah, golongan yang paling terkesan ialah usahawan kecil tempatan yang bergantung kepada keuntungan harian untuk meneruskan kelangsungan perniagaan.

Kedua menjadi lebih sukar apabila peniaga asing yang beroperasi secara haram mempunyai kelebihan tertentu. Sebahagian daripada mereka mungkin tidak membayar cukai, tidak mencarum kepada sistem perlindungan sosial pekerja, tidak mematuhi syarat pelesenan tempatan dan memperoleh bekalan terus dari negara asal pada harga yang jauh lebih rendah.

Dalam situasi ini, peniaga tempatan yang mematuhi undang-undang terpaksa bersaing dalam padang permainan yang tidak sama rata.

Selain itu, kebocoran ekonomi turut menjadi keimbangan utama. Sekiranya keuntungan diperoleh daripada aktiviti perniagaan di Malaysia akhirnya dipindahkan ke luar negara tanpa memberi nilai tambah signifikan kepada ekonomi tempatan, maka negara akan kehilangan sebahagian manfaat ekonomi yang sepatutnya dinikmati rakyat Malaysia.

PMKS TEMPATAN TERANCAM

Dalam jangka panjang, keadaan ini boleh melemahkan daya tahan sektor PMKS tempatan dan mengurangkan peluang pekerjaan untuk rakyat sendiri.

Isu yang dibangkitkan Perdana Menteri juga mempunyai dimensi keselamatan dan tadbir urus. Penyalahgunaan visa pelancong atau pas pelajar untuk tujuan komersial menunjukkan wujud kelemahan dalam pemantauan dan penguatkuasaan.

Jika tidak dibendung, boleh membuka ruang kepada aktiviti ekonomi tidak formal yang sukar dikesan pihak berkuasa, termasuk pengelakan cukai, pemindahan wang tidak sah dan penggunaan identiti atau lesen tempatan secara tidak sah.

Dalam sektor pelancongan misalnya, beberapa kawasan tumpuan pelancong menyaksikan kemunculan situasi di mana ejen pelancongan, pemandu pelancong, pengusaha pengangkutan dan perniagaan berkaitan didominasi warga asing yang beroperasi dalam rangkaian mereka sendiri. Keadaan ini menyebabkan

manfaat ekonomi daripada kedatangan pelancong asing tidak mengalir secara optimum kepada komuniti tempatan.

Walaupun bagaimanapun, isu ini perlu ditangani secara berhemah. Malaysia merupakan sebuah negara yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa, pelaburan asing dan sektor pelancongan.

Oleh itu, tindakan kerajaan tidak boleh dilihat sebagai bersifat antiwarga asing. Pelabur dan usahawan asing yang mematuhi undang-undang negara perlu terus dialu-alukan kerana mereka menyumbang pertumbuhan ekonomi, pemindahan teknologi dan penciptaan peluang pekerjaan.

Apa yang perlu dibanteras ialah penyalahgunaan sistem, bukannya kehadiran warga asing secara keseluruhannya.

Sehubungan itu, pendekatan yang dicadangkan Perdana Menteri dilihat amat tepat kerana menekankan penguatkuasaan bersepadu melibatkan pelbagai agensi seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Bank Negara

Malaysia (BNM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Kerajaan juga perlu mempercepatkan penggunaan teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) bagi mengenal pasti corak transaksi yang mencurigakan, menjejaki aliran wang serta mengesan rangkaian perniagaan yang menggunakan lesen tempatan sebagai topeng kepada operasi asing. Dalam era ekonomi digital, penguatkuasaan tidak lagi boleh bergantung semata-mata kepada pemeriksaan fizikal di premis perniagaan.


Mekanisme pemberi maklumat juga perlu diperkukuhkan supaya peniaga tempatan dan orang ramai dapat menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa tanpa rasa takut. Persatuan perniagaan dan dewan perdagangan juga perlu memainkan peranan lebih aktif membantu kerajaan mengenal pasti aktiviti yang melanggar undang-undang.

Apa yang dibangkitkan Perdana Menteri sebenarnya bukan sekadar soal pelanggaran syarat visa tetapi menyentuh isu yang lebih besar iaitu kedaulatan ekonomi negara dan hak rakyat tempatan untuk bersaing secara adil dalam pasaran mereka sendiri.

Keberanian Perdana Menteri mengangkat isu ini secara terbuka wajar dipuji kerana menunjukkan kesediaan kerajaan untuk bertindak terhadap masalah yang semakin meresahkan masyarakat walaupun melibatkan kepentingan pelbagai pihak.

Justeru amaran diberikan perlu diterjemahkan kepada tindakan penguatkuasaan yang tegas supaya Malaysia kekal sebagai sebuah negara mesra pelaburan dan perdagangan serta pada masa sama tidak berkompromi terhadap sebarang bentuk penyalahgunaan undang-undang yang menjejaskan peluang perniagaan dan mata pencarian rakyat tempatan.

DR. Nor Azura A. Rahman ialah Felo Bersekutu di Institut Hubungan Antarabangsa dan Diplomasi Asia (AIAD) dan juga Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM).



PENYALAHGUNAAN visa oleh warga asing untuk menjalankan perniagaan di Malaysia memberi kesan besar kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan. - GAMBAR HIASAN

Kota Bharu: Pasukan Gerakan Am (PGA) berjaya menggagalkan cubaan menyeludup 2,560 unit pod vape dipercayai untuk pasaran Thailand menerusi satu pemeriksaan sekatan jalan raya (SJR) di Lalang Pepuyu, Tanah Merah, kelmarin.

Komander Briged Tenggara PGA SAC Ahmad Radzi Hussain berkata, susulan itu seorang lelaki tempatan berusia 42 tahun ditahan bersama sebuah van Toyota Hiace yang membawa muatan pod vape pelbagai perisa tersebut dan keseluruhan nilai rampa-

PGA gagalkan cubaan seludup vape untuk pasaran Thailand

san kira-kira RM316,000 termasuk kenderaan.

Beliau berkata, tangkapan dibuat pada 12.15 tengah hari oleh sepasukan anggota Kompeni A Batalion 8 PGA Pengkalan Chepa yang menjalankan tugas Ops Taring Wawasan Kelantan di SJR berkenaan.

“Hasil pemeriksaan ke atas sebuah van Toyota Hiace dipandu suspek me-

nemukan sejumlah kotak mengandungi pod vape pelbagai perisa disyaki cuba diseludup ke Thailand.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan telah diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Tanah Merah untuk tindakan lanjut.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 16 JUN 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
16-Jun	KPDN gesa syarikat pengangkutan darat barangan awam Sabah, Sarawak dan Labuan segera daftar SKDS	https://www.utusan.com.my/nasional/2026/06/kpdn-gesa-syarikat-pengangkutan-darat-barangan-awam-sabah-sarawak-dan-labuan-segera-daftar-skds/	UTUSAN
16-Jun	KPDN gesa syarikat pengangkutan darat barangan daftar SKDS	https://www.kosmo.com.my/2026/06/15/kpdn-gesa-syarikat-pengangkutan-darat-barangan-daftar-skds/	KOSMO
16-Jun	Kenderaan pengangkutan darat barangan awam perlu daftar segera SKDS	https://sabahmedia.com/2026/06/15/kenderaan-pengangkutan-darat-barangan-awam-perlu-daftar-segera-skds/	SABAH MEDIA
16-Jun	Syarikat pengangkutan Sabah, Sarawak dan Labuan perlu daftar SKDS segera	https://www.buletintv3.my/nasional/syarikat-pengangkutan-sabah-sarawak-dan-labuan-perlu-daftar-skds-segera/	TV3
16-Jun	Syarikat pengangkutan darat barangan awam 3 wilayah digesa daftar segera SKDS	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2026/06/15/syarikat-pengangkutan-darat-barangan-awam-3-wilayah-digesa-daftar-segera-skds/	FMT
16-Jun	KPDN gesa syarikat berkecualan segera daftar kenderaan sebelum fleet card SKDS diwajibkan	https://www.mkn.gov.my/web/ms/2026/06/15/kpdn-gesa-syarikat-berkecualan-segera-daftar-kenderaan-sebelum-fleet-card-skds-diwajibkan/	MKN
16-Jun	KPDN gesa syarikat pengangkutan darat barangan awam Sabah, Sarawak dan Labuan segera daftar SKDS	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/06/1370279/kpdn-gesa-syarikat-pengangkutan-darat-barangan-awam-sabah-sarawak-dan-labuan-segera-daftar-skds/	HARIAN METRO

16-Jun	KPDN gesa syarikat pengangkutan darat barangan awam di Sabah, Sarawak dan Labuan daftar SKDS	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/06/1572172/kpdn-gesa-syarikat-pengangkutan-darat-barangan-awam-di-sabah-sarawak	BERITA HARIAN
16-Jun	Syarikat pengangkutan digesa segera daftar SKDS – Armizan	https://malaysiaaktif.my/2026/06/syarikat-pengangkutan-digesa-segera-daftar-skds-armizan/	MALAYSIA AKTIF
16-Jun	Krisis bekalan global: Subsidi diesel Sabah, Sarawak cecah RM1.4 bilion – Armizan	https://utusan sarawak.com.my/krisis-bekalan-global-subsidi-diesel-sabah-sarawak-cecah-rm1-4-bilion-armizan/	UTUSAN SARAWAK
16-Jun	Register now or pay market price, Sabah, Sarawak and Labuan transport firms urged to join diesel subsidy system	https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2026/06/15/register-now-or-pay-market-price-sabah-sarawak-and-labuan-transport-firms-urged-to-join-diesel-subsidy-system-says-minister/223840	MALAY MAIL
16-Jun	Krisis bekalan global: Subsidi diesel Sabah, Sarawak cecah RM1.4 bilion – Armizan	https://utusan sarawak.com.my/krisis-bekalan-global-subsidi-diesel-sabah-sarawak-cecah-rm1-4-bilion-armizan/	UTUSAN SARAWAK
16-Jun	Diesel subsidies for Sabah and Sarawak reach RM1.4 billion in first four months of 2026 – Armizan	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/06/15/diesel-subsidies-for-sabah-sarawak-reach-rm14bil-in-first-four-months-of-2026-says-armizan	THE STAR
16-Jun	Govt spends RM1.4 billion for four months of Sabah, Sarawak diesel subsidy – Armizan	https://www.scoop.my/news/291711/govt-spends-rm1-4-bil-for-four-months-of-sabah-sarawak-diesel-subsidy-armizan/	SCOOP
16-Jun	Program Jualan Rahmah MADANI wajar diperluas, diadakan lebih kerap	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/program-jualan-rahmah-madani-wajar-diperluas-diadakan-lebih-kerap/	RTM

16-Jun	Lebih 123,000 isi rumah memanfaatkan Program Jualan Rahmah MADANI di Perlis	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lebih-123000-isi-rumah-manfaatkan-program-jualan-rahmah-madani-di-perlis/	RTM
16-Jun	Gagal pameran tanda harga, pengusaha restoran di Labuan dikenakan kompaun	https://sabahmedia.com/2026/06/15/gagal-pamer-tanda-harga-pengusaha-restoran-di-labuan-	SABAH MEDIA
16-Jun	Gimik durian percuma di Kelantan cetus amarah, KPDN digesa bertindak	https://thevocket.com/gimik-durian-percuma-di-kelantan-cetus-amarah-kpdn-digesa-bertindak/	THE VOCKET
16-Jun	Kelantan vendor puts up misleading "free durian" sign to attract customers, KPDN urged to take action	https://worldofbuzz.com/kelantan-vendor-puts-up-misleading-free-durian-sign-to-attract-customers-kpdn-urged-to-take-action/	WORLD OF BUZZ
16-Jun	Sistem MyKad berjaya halang subsidi daripada dinikmati pemegang kad UN-HCR	https://www.malay.news/sistem-mykad-berjaya-halang-subsidi-daripada-dinikmati-pemegang-kad-	MALAY NEWS
16-Jun	Lima individu didakwa miliki 14,056 kilogram minyak masak tanpa lesen	https://www.buletintv3.my/mahkamah/lima-individu-didakwa-miliki-14056kg-minyak-masak-tanpa-lesen/	TV3
16-Jun	Tiga warga Bangladesh antara lima didakwa miliki 14 tan minyak masak tanpa lesen	https://utusanmelayuplus.com/3-warga-bangladesh-antara-lima-didakwa-miliki-14-tan-minyak-masak-tanpa-lesen/	UTUSAN
16-Jun	Tukang masak didakwa miliki lebih 14,500 kilogram minyak masak tanpa lesen	https://www.kosmo.com.my/2026/06/15/tukang-masak-didakwa-lebih-14500-kg-minyak-masak-tanpa-lesen/	KOSMO
16-Jun	Tukang masak didakwa miliki lebih 14,500 kilogram minyak masak tanpa lesen	https://www.utusan.com.my/nasional/2026/06/tukang-masak-didakwa-miliki-lebih-14500-kg-minyak-masak-	UTUSAN

16-Jun	Lima individu termasuk tiga warga Bangladesh didakwa miliki minyak masak tanpa lesen	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2568729	BERNAMA
16-Jun	Tukang masak didakwa miliki lebih 14,000 kilogram minyak masak tanpa lesen	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2026/06/1572281/tukang-masak-didakwa-miliki-lebih-14000-kg-minyak-masak-tanpa-lesen	BERITA HARIAN
16-Jun	Lima individu termasuk tiga warga Bangladesh didakwa miliki minyak masak	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/06/1370379/lima-individu-termasuk-tiga-warga-bangladesh-didakwa-miliki-minyak-masak	HARIAN METRO
16-Jun	Warga Bangladesh mengaku bersalah miliki 35,000 liter diesel tanpa lesen	https://themalaytribune.com/warga-bangladesh-mengaku-bersalah-miliki-35000-liter-diesel-tanpa-lesen/	THE MALAY TRIBUNE
16-Jun	Sistem MyKad berjaya halang subsidi daripada dinikmati pemegang kad UN-HCR	https://www.malaysiakini.com/news/777491	MALAYSIA KINI
16-Jun	Iklan durian percuma tiada unsur penipuan – KPDN	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2026/06/1572278/iklan-durian-percuma-tiada-unsur-penipuan-kpdn	BERITA HARIAN
16-Jun	Pengangkutan darat barangan dan awam di Sabah, Sarawak dan Labuan perlu daftar SKDS segera	https://www.sayangsabah.com.my/2026/06/pengangkutan-darat-barangan-dan-awam-di.html	SAYANG SABAH